

SOALAN NO: 122

Filem merupakan saluran penting untuk memaparkan elemen bagi mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) telah menubuhkan *Content Malaysia Pitching Centre* (CMPC) pada tahun 2015 bertujuan menyediakan bantuan-bantuan dana kepada para penggiat industri filem tempatan. Antara dana-dana yang disediakan di CMPC ialah Dana Mikro, Dana Pembangunan, Dana Produksi, Dana Pemasaran, Dana Produksi Bersama dan Dana Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA).

Filem-filem yang mengandungi unsur-unsur perpaduan, patriotisme dan semangat cintakan negara sentiasa diberikan keutamaan dalam pemberian bantuan dana melalui CMPC. Kementerian melalui FINAS sentiasa akan mengutamakan penerbit-penerbit filem yang telah menunjukkan kredibiliti dan kualiti dalam filem mereka termasuklah yang membawa cerita-cerita perpaduan antara kaum dan cinta kepada negara untuk memohon dana bagi penerbitan filem mereka yang seterusnya di CPMC.

NO. SOALAN: 123

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

RUJUKAN : 9428

SOALAN:

**Dato' Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang
diambil oleh Kementerian dalam mengawal penerbitan buku-buku
yang bersifat hasutan, fitnah dan memutar belit fakta di Malaysia.**

JAWAPAN:

Berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab memantau bahan-bahan bercetak, terutamanya yang dikeluarkan permit penerbitan supaya tidak mengandungi bahan-bahan yang memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara.

Namun demikian, jika mana-mana penerbitan didapati menyiarkan artikel atau rencana mengandungi isu-isu sensitiviti perkauman sehingga mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, maka Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan Akta berkenaan seperti berikut:

- a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;**
- b) Memberi surat tunjuk sebab; atau**
- c) Menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.**

Kementerian juga boleh mengambil tindakan mengikut seksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 iaitu, mana-mana penerbitan (media cetak) yang menyiarkan berita yang tidak

benar dan tidak berasas adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya penerbit telah menyiarkan apa-apa jua bentuk penerbitan sebagaimana di atas, tindakan mengenakan Perintah Larangan boleh diambil di bawah Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Dalam isu penyiaran bahan-bahan penerbitan dan buku-buku yang bersifat hasutan, fitnah dan memutar belitkan fakta di Malaysia yang boleh menjejaskan maruah, reputasi dan nama baik seseorang individu, organisasi atau kepimpinan, tindakan boleh diambil berdasarkan langkah-langkah pengawalan dan penguatkuasaan seperti yang tersebut di atas, mana yang bersesuaian dan yang berkenaan. Pada masa sama, tindakan yang lebih tepat dan efektif oleh pihak yang terkesan adalah dengan membawa perkara tersebut ke mahkamah untuk diadili supaya tuntutan sivil dapat dilaksanakan terhadap pihak-pihak yang memfitnah dan menjejaskan reputasi individu dan organisasi berkenaan.